

Latihan amali sains

Tarikh : _____

Kelas : _____

Nama murid : _____


MARI UJI

HABA MENGALIR


AKTIVITI KUMPULAN

TUJUAN Memerihalkan perubahan suhu air apabila air panas disejukkan kepada suhu bilik.

ALAT DAN BAHAN Kaki retort, tungku kaki tiga, kasa dawai, bikar, termometer, jam randik dan air panas.

LANGKAH-LANGKAH

1. Sediakan radas seperti yang ditunjukkan dalam gambar.
2. Tuangkan 200 ml air panas ke dalam bikar.
3. Ambil bacaan suhu air panas setiap lima minit sehingga suhu air menjadi tetap.
4. Catatkan hasil pemerhatian ke dalam jadual.



Mengukur suhu air panas

Jawab soalan perbincangan berdasarkan dapatan yang telah direkodkan ke dalam jadual di bawah.

Masa penyejukan air (minit)	0	3	6	9	12	15	18
Suhu air (°C)	100	87	76	65	43	34	27

1. Apakah pemerhatian yang dapat dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi dalam penyiasatan ini?

2. Nyatakan inferens ke atas jawapan kamu di soalan 1.

3. Apakah hipotesis yang sesuai untuk penyiasatan ini?

 **LIVEWORKSHEETS**

4. Nyatakan corak perubahan suhu air dari minit 0 sehingga minit ke-18.

5. Berapakah suhu air tersebut sekiranya masa penyejukan diteruskan sehingga minit ke 21? (Tuliskan jawapan dalam angka)

6. Nyatakan pemboleh ubah yang dikenal pasti dalam penyiasatan ini.

a. Pemboleh ubah dimanipulasikan : _____

b. Pemboleh ubah bergerak balas : _____

c. Pemboleh ubah dimalarkan : _____

7. Apakah kesimpulan yang sesuai untuk penyiasatan ini?

8. Berikut merupakan langkah- langkah menyukat suhu air menggunakan

termometer dengan teknik yang betul. Masukkan langkah **1 2 3 4** dalam petak yang betul.

- i. Pegang bahagian termometer secara menegak.

☐

- ii. Masukkan termometer ke dalam bikar, pastikan bebuli termometer terendam dan tidak menyentuh dasar bikar.

☐

- iii. Letakkan bikar yang berisi air di atas permukaan yang rata.

☐

- iv. Setelah aras cecair merkuri di dalam termometer menjadi tetap, laraskan kedudukan mata pada aras meniskus dan ambil bacaan suhu.

☐